

Tarikh Dibaca: 05 OKT 2018M | 25 MUHARAM 1439H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“KERUNTUHAN AKHLAK MENGUNDANG
BALA”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Mantan Timbalan Pengarah,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“KERUNTUHAN AKHLAK MENGUNDANG BALA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذَا أَرَدْنَا أَنْ نُهْلِكَ قَرْيَةً أَمَرْنَا مُتْرَفِيهَا
فَفَسَقُوا فِيهَا فَحَقَّ عَلَيْهَا الْقَوْلُ فَدَمَّرْنَاهَا تَدْمِيرًا¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا
أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya berpesan kepada semua hadirin dan kepada diri saya sendiri supaya meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Marilah kita sama-sama mencari sebanyak-banyak bekalan ke Akhirat dan sebaik-baik bekalan ialah takwa. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan mereka yang beriman dan bertakwa dengan sepenuhnya kepada Allah SWT.

Mimbar Jumaat hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk
“KERUNTUHAN AKHLAK MENGUNDANG BALA”.

¹ Al-Isra' : 16



Muslimin yang dikasihi Allah,

Keruntuhan akhlak yang berlaku dalam masyarakat Islam masa kini adalah berpunca daripada jauhnya mereka dalam menjalinkan hubungan dengan Allah SWT dan kerana meninggalkan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Gejala ini jika dibiarkan akan memberi kesan kepada keruntuhan ummah dan kehancuran negara.

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا
يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

“Dan (Tuhan berfirman lagi): Kalau sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.”

Lebih malang lagi, ada sebahagian daripada umat Islam seolah-olah tidak mempunyai keyakinan yang mantap terhadap Allah SWT dengan tidak mempedulikan segala amaran dan ancaman daripada Allah SWT, lantaran itu mereka menunjukkan sikap suka mengingkari atau mempertikaikan perintah dan larangan yang telah ditetapkan oleh Allah.

Hadirin yang berbahagia,

Kita hendaklah sedar bahawa derhaka dan ingkar kepada Allah bukan hanya dengan cara menyembah patung dan berhala sahaja, tetapi juga



termasuklah tidak yakin kepada hukum-hukum dan janji-janji Allah mengenai hari kiamat dan dosa pahala.

Tambahan pula dalam kalangan umat Islam hari ini tidak menghiraukan amaran daripada para nabi dan rasul bahkan berterusan melakukan kerosakan dan kezaliman. Firman Allah SWT dalam surah Al-Qasas ayat 59:

وَمَا كُنَّا مُهْلِكِي الْقُرَىٰ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَالِمُونَ ﴿٥٩﴾

"Dan tidaklah menjadi kebiasaan Kami membinasakan mana-mana negeri melainkan setelah penduduknya berlaku zalim".

Ayat ini menjelaskan bahawa kita sentiasa dalam pemerhatian Allah SWT yang mencipta kita. Apa sahaja musibah yang menimpa manusia pasti ada sebabnya sama ada disedari atau tidak disedari. Yang pastinya tiada kebinasaan yang ditimpakan melainkan kerana kezaliman manusia itu sendiri.

Kezaliman yang dimaksudkan ini adalah syirik kepada Allah dan segala bentuk maksiat serta dosa yang dilakukan oleh manusia termasuklah meninggalkan solat, zina, LGBT (lesbian, gay, biseksual dan transgender) minum arak, berjudi, mendedahkan aurat, memakan riba, dan sebagainya.

Amat menyedihkan lagi apabila sebahagian daripada masyarakat kita sanggup mempertahankan bahawa penyalahgunaan dadah, riba, zina secara rela dan gejala LGBT hanyalah merupakan maksiat dan dosa yang bersifat hak peribadi sahaja dan tidak boleh diambil tindakan undang-undang ke atas pelakunya.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Sesungguhnya al-Quran telah memperingatkan kisah-kisah umat terdahulu yang dibinasakan kerana melakukan maksiat, kezaliman dan



penderhakaan terhadap Allah SWT sepertimana kisah kaum Nabi Lut yang mengamalkan gaya hidup songsang yang ditimpakan dengan azab sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 82-83:

فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَلَيْهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا
حِجَارَةً مِّن سِجِّيلٍ مَّنضُودٍ ﴿٨٢﴾ مُسَوَّمَةً عِندَ رَبِّكَ وَمَا هِيَ
مِنَ الظَّالِمِينَ بِبَعِيدٍ ﴿٨٣﴾

"Maka apabila datang (masa pelaksanaan) perintah kami, Kami jadikan negeri kaum Lut itu diterbalikkan (tertimbus segala yang ada di muka buminya) dan Kami menghujannya dengan batu-batu dari tanah yang dibakar, menyimpannya bertalu-talu. Batu-batu itu ditandakan di sisi Tuhanmu (untuk membinasakan mereka), dan ia pula tidaklah jauh dari orang-orang yang zalim itu."

Selain itu firauun dengan sombong dan angkuh mengaku sebagai tuhan lalu Allah SWT tenggelamkannya bersama tentera-tenteranya di dalam laut. Begitu juga keingkaran kaum Nabi Nuh yang menentang usaha-usaha dakwah Nabi mereka akhirnya ditenggelamkan dengan banjir besar hinggan tiada seorang pun yang selamat melainkan mereka yang bersama-sama dengan Nabi Nuh Alaihi al-Salam.

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Marilah kita tinggalkan dosa dan maksiat yang boleh mengundang bala dan bencana. Jangan kita tunggu sehingga bala melanda ke atas kita, barulah kita insaf dan menyesal. Ini kerana apabila dosa dan maksiat berleluasa maka ia akan mengundang bala dan bencana daripada Allah SWT sepertimana sebuah hadis diriwayatkan bahawa Zainab binti Jahsyi Radhiallahu Anha bertanya kepada Rasulullah SAW dengan berkata:



يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَنْزَلِكُ وَفِينَا الصَّالِحُونَ؟ قَالَ:
نَعَمْ، إِذَا كَثُرَ الْخَبَثُ.

"Wahai Rasulullah, apakah kita akan binasa sedangkan dalam kalangan kami ada orang-orang yang soleh?". Baginda menjawab: "Ya, benar jika keburukan telah bermaharajalela".

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin yang berbahagia,

Ingatlah bahawa tidak semua bencana yang berlaku hanya semata-mata bencana alam. Sebaliknya terdapat juga bencana yang merupakan peringatan daripada Allah SWT. Oleh itu marilah kita mencontohi akhlak yang diajar oleh Rasulullah SAW. Sesungguhnya Baginda telah diutuskan ke muka bumi ini adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia dengan mencontohi budi pekerti yang dimiliki oleh nabi SAW. Mudah-mudahan terciptalah kehidupan umat manusia yang aman dan damai. Benarlah bahawa nabi Muhammad SAW diutus adalah sebagai rahmat bagi sekalian alam.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib menyeru kepada seluruh hadirin sekalian agar mengambil pengajaran dan tausiah berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah akan menjamin kejayaan dan keselamatan hidup di dunia dan akhirat.
2. Umat Islam hendaklah mengamalkan dan mempertahankan ajaran-ajaran Islam yang telah di bawa oleh Nabi Muhammad SAW dan telah diteruskan oleh para ulama yang muktabar.



3. Umat Islam hendaklah menjauhi dan bersama-sama membanteras gejala maksiat yang boleh merosakkan ummah dan Negara serta mengundang bala daripada Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَقُرُونًا وَفِرْعَوْنَ وَهَمَانَ وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مُوسَى
بِالْبَيِّنَاتِ فَاسْتَكْبَرُوا فِي الْأَرْضِ وَمَا كَانُوا سَابِقِينَ ﴿٣٩﴾
فَكُلًّا أَخَذْنَا بِذُنُوبِهِ فَمِنْهُمْ مَن أَرْسَلْنَا عَلَيْهِ حَاصِبًا وَمِنْهُمْ مَّن
أَخَذَتْهُ الصَّيْحَةُ وَمِنْهُمْ مَن خَسَفْنَا بِهِ الْأَرْضَ وَمِنْهُمْ مَن
أَغْرَقْنَا وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيظْلِمَهُمْ وَلَكِن كَانُوا أَنفُسَهُمْ
يَظْلِمُونَ ﴿٤٠﴾

"Dan (ingatkanlah juga peristiwa kebinasaan) Qarun dan Firaun serta Haman. Dan demi sesungguhnya Nabi Musa telah datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang jelas nyata, lalu mereka berlaku sombong takbur di bumi (mendustakannya), padahal mereka tidak dapat melepaskan diri (dari azab Allah). Maka masing-masing Kami binasakan dengan sebab dosanya, laitu di antaranya ada yang Kami hantarkan angin ribut menghujannya dengan batu; dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang menggempakan bumi; dan ada yang Kami timbuskan dia di bumi; dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut. Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.

(Surah al-Ankabut : 39-40).



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Faisal/Nurul

27.09.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ،
تغكو أمير شاه، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس



شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا،
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
